

15 FEB 2002

Croatia-Lawatan/I

LAWATAN PRESIDEN CROATIA TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Hubungan Croatia-Malaysia dijangka dapat dipertingkatkan berikutan lawatan Presiden Stjepan Mesic ke negara ini mulai Ahad ini.

Duta Croatia ke Malaysia Damir Perincic berkata semasa lawatan negara lima hari oleh Mesic, Zagreb dan Kuala Lumpur akan menandatangani satu perjanjian mengenai pengelakan cukai berganda untuk memudahkan lagi kerjasama ekonomi.

Perincic berkata Croatia berminat untuk mengadakan semula kerjasama dalam sektor penerbangan dan tenaga yang terpaksa ditangguhkan beberapa tahun lepas kerana krisis ekonomi Asia dan keadaan di Croatia yang pada ketika itu baru pulih akibat perang negara-negara Balkan.

"Saya berharap dan saya pasti lawatan ini akan meningkatkan lagi kerjasama (sedia ada) dalam semua sektor," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di pejabatnya di sini, hari ini.

Perincic juga berkata Zagreb berminat untuk menerokai kerjasama dalam bidang baru seperti industri perabut dengan tawaran teknologi dan produk baru serta kerjasama dengan Petronas dalam sektor minyak.

Perincic berkata Croatia mahu Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan semula penerbangan ke Zagreb bagi membantu meningkatkan perniagaan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Katanya perbincangan juga akan diadakan mengenai kemungkinan mewujudkan kerjasama antara pelabuhan kedua-dua negara untuk berperanan sebagai laluan masuk bagi pengangkutan produk dan maritim ke rantau berkenaan -- Asia Tenggara, Eropah Tengah dan Meditteranean.

Menurutnya kerajaan komited untuk mewujudkan satu rangka kerja yang menyeluruh untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan dengan itu, Croatia mengalu-alukan pelaburan dan usaha saham sektor swasta Malaysia dalam sektor pelancongan, telekomunikasi dan tenaga.

Sambil menyifatkan hubungan Zagreb-Kuala Lumpur sebagai "sangat mesra", Perincic berkata kedua-dua negara harus mengambil kesempatan daripada lokasi strategik mereka serta kemajuan dalam bidang sains dan teknologi untuk manfaat bersama pada masa depan.

Dengan penduduk seramai 4.5 juta orang yang kebanyakannya beragama Katholik Roman, Croatia, yang mengisytiharkan bebas dari bekas Yugoslavia pada 1991, berusaha melaksanakan perubahan politik dan ekonomi selepas berdekad-dekad mengalami ekonomi berpusat dan ia dijangka menyertai Kesatuan Eropah (EU) dalam masa beberapa tahun lagi.

Perincic berkata rombongan 20 anggota Presiden Mesic adalah termasuk Menteri Pelancongan Pave Zupan Ruskovic, Timbalan Menteri Luar Dr Vesna Cvjetkovic Kurelec dan Pengarah Jabatan Hubungan Antarabangsa, Dewan Ekonomi Croatia Dunja Konjevod.

Pada Isnin, Mesic akan diberi sambutan negara diikuti kunjungan hormat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan akan diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dalam satu jamuan negara di Istana Negara.

Mesic juga akan melawat kilang pengeluaran Proton di Shah Alam dan Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya serta Menara Berkembar Petronas di sini.

Program lawatan beliau juga termasuk kunjungan ke Sabah yang Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat dijadualkan membuat kunjungan hormat ke atasnya.

Presiden Croatia itu juga akan melawat Pusat Perlindungan Orang Utan Sepilok.

Mesic, yang dalam rangka lawatan ke Thailand, Indonesia dan Malaysia, akan melawat Brunei Darussalam pada Khamis.

Mesic, 68, yang pernah menjadi pemimpin pelajar dan ahli politik, dipilih sebagai presiden Croatia pada Februari 2000.

Lawatannya adalah yang pertama oleh ketua negara Croatia ke Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan rasmi ke republik itu pada Disember 1994 dan April 1996 manakala lawatan balas dilakukan oleh Perdana Menteri Croatia ketika itu Zlatko Matesa pada Mac 1997.

-- BERNAMA

RV MFJ RM NAK